



TEKS UCAPAN

**YB DATUK SERI DR. ZALIHA MUSTAFA
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(WILAYAH PERSEKUTUAN)**

SEMPENA

**MAJLIS PELUNCURAN PROJEK KEPIMPINAN
PERUBAHAN IKLIM DAN TENAGA HIJAU
(IKLIM) PERINGKAT WILAYAH PERSEKUTUAN
2025**

17 JULAI 2025

**SMK COCHRANE
KUALA LUMPUR**

Terima kasih pengacara majlis.

بسم الله الرحمن الرحيم
الحمد لله رب العالمين، وصلاة
وسلام على سيدنا محمد اشرف
المرسلين، وعلى آله وصحبه اجمعين،
ربنا آتنا من لدنك رحمة، وهيئ لنا
من أمرنا رشدا، رب اشرح لي
صدري، ويسر لي أمري، واحلل
عقدة من لساني، يفقهوا قولي.

SALUTASI

- Dato' Thomas, Timbalan Ketua Pengarah, Jabatan Wilayah Persekutuan
- Puan Zuraini, Pengarah Jabatan Alam Sekitar Wilayah Persekutuan
- Puan Radzita, Timbalan Pengarah Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan
- Saudara Sree, Pengerusi Pertubuhan Lestari dan Kebajikan Malaysia
- Pegawai-pegawai, Guru-guru
- Rakan-rakan media dan murid-murid yang saya kasihi

Assalamualaikum warahmatullahi
wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam
Malaysia MADANI.

PENDAHULUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur setinggi-tingginya ke hadrat Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan limpah kurnia dan izin-Nya, dapat kita bersama-sama dalam peluncuran satu projek yang saya kira cukup bermakna untuk generasi masa hadapan kita, iaitu Projek Kepimpinan Perubahan Iklim dan Tenaga Hijau Peringkat Wilayah Persekutuan Tahun 2025.

2. Tahniah saya ucapkan kepada Pertubuhan Lestari dan Kebajikan Malaysia atas usaha murni ini dan saya lihat bahawa program ini adalah tepat pada masanya dalam kita mendidik dan melahirkan generasi muda bandar yang ada sifat prihatin dan berilmu dalam isu terkait alam sekitar dan *climate change* seperti ini. Saya difahamkan ini adalah tahun kedua pelaksanaan program ini, dan tahun lalu, program ini diadakan di negeri Selangor, pada tahun ini saya minta untuk Sree *and the team*, buat program ini di Wilayah Persekutuan pula.

REALITI PERUBAHAN IKLIM SEDUNIA YANG SEMAKIN KRITIKAL

Hadirin sekalian,

3. Dunia kini berdepan dengan realiti perubahan iklim atau *climate change* yang semakin membimbangkan. Menurut *World Meteorological Organisation*, tahun lalu, iaitu tahun 2024, telah direkodkan sebagai tahun paling panas dalam sejarah manusia, dengan purata suhu global mencecah sehingga 1.6 darjah Celcius lebih tinggi berbanding zaman pra-industri, dan buat pertama kalinya, dunia telah melepasi ambang kritikal 1.5 darjah Celcius yang telah ditetapkan oleh Perjanjian Paris.

4. Satu kajian yang diterbitkan oleh jurnal *Earth System Science Data* bulan lepas juga menjangkakan bahawa jika kadar pelepasan karbon dioksida global kekal pada paras 46 gigaton setahun, baki had karbon global yang tinggal hanyalah 143 gigaton. Jika tren ini berterusan, had tersebut dijangka akan habis seawal tahun 2028, kira-kira tiga tahun daripada sekarang. Apabila had ini dilanggar, maka hampir mustahil untuk mengekalkan pemanasan bumi di bawah paras 1.5 darjah Celcius.

5. Dalam bahasa yang mudah, jika pelepasan karbon terus berlaku, kita sedang bergerak ke arah satu titik yang tidak boleh diundur, di mana dunia akan menjadi semakin panas, cuaca menjadi lebih ekstrem dan kehidupan di bandar raya besar seperti Kuala Lumpur akan semakin terdedah kepada risiko kesihatan, tekanan haba, jerabu serta bencana iklim yang tidak menentu.

6. Isu ini bukanlah hanya soal peningkatan suhu atau pemanasan global, sebaliknya ia turut mencetuskan kesan berantai terhadap sistem atmosfera dunia. Apabila bumi menjadi lebih panas, lautan dan tanah menyerap lebih banyak haba, lalu mempercepatkan proses penyejatan. Udara yang lebih panas pula menyimpan lebih banyak wap air. Akibatnya, apabila hujan berlaku, ia turun dengan lebih lebat, dalam tempoh yang lebih singkat dan dengan intensiti yang jauh lebih tinggi. Atau secara ringkasnya: semakin tinggi suhu, semakin banyak penyejatan, semakin tinggi kelembapan dan akhirnya hujan akan menjadi lebih lebat dan ekstrem.

7. Kesan ini akan mengganggu keseimbangan atmosfera dan menjadikan pola hujan semakin sukar diramal. Satu laporan yang dikeluarkan oleh *Intergovernmental Panel on Climate Change* bersama-sama *World Weather Attribution* menunjukkan bahawa hujan ekstrem di Asia Tenggara telah meningkat sebanyak 10 hingga 20 peratus akibat perubahan iklim global.

KUALA LUMPUR SEBAGAI BANDAR BERDAYA TAHAN IKLIM

Para hadirin sekalian,

8. Di Kuala Lumpur sendiri, kita sudah mula merasainya. Contohnya pada Oktober tahun lalu, ketika sesi Parlimen sedang berlangsung, berlaku banjir kilat yang menyebabkan beberapa Ahli Parlimen turut terperangkap, dan sidang terpaksa dilewatkan.

9. Apa yang berlaku adalah, hujan yang turun dalam tempoh hanya dua jam itu menyamai jumlah taburan hujan sebulan, dan kesannya, sistem saliran bandar tidak dapat menampung lonjakan air dalam masa yang singkat. Walaupun, pihak berwajib seperti DBKL dan Jabatan Pengairan dan Saliran berjaya untuk menyuraikan air tersebut dalam masa yang singkat, tetapi itu lah kesan sebenar perubahan iklim yang sedang berlaku dan sedang melanda bukan sahaja Kuala Lumpur, bahkan dunia sekarang ini.

10. Kesan-kesan ini menuntut kita untuk tidak hanya bertindak secara reaktif, tetapi merangka pendekatan yang lebih menyeluruh dan berpandangan jauh. Atas dasar itu juga, di Wilayah Persekutuan ini, saya telah memperkenalkan satu visi pembangunan bandar yang dinamakan sebagai Bandar CHASE, iaitu akronim kepada *Clean City*, *Healthy City*, *Advanced City*, *Safe City* dan *Eco-friendly City*, di mana ini adalah satu rangka kerja pembangunan bandar yang mengambil kira realiti semasa, termasuk realiti krisis iklim dan keperluan untuk membina daya tahan iklim secara menyeluruh.

11. Kita berhadapan dengan tekanan unik di Kuala Lumpur ini sebagai sebuah bandar raya, antaranya adalah jumlah populasi yang melebihi 2 juta orang, Keluaran Dalam Negara Kasar atau KDNK yang mencecah hampir 270 bilion ringgit pada tahun lalu. Namun, bandar raya ini turut menghasilkan sehingga 9.3 tan karbon per kapitan setiap tahun. Ini bermakna, semakin tinggi aktiviti ekonomi dan pertumbuhan bandar, semakin tinggi juga tekanan terhadap iklim dan keseimbangan alam sekitar kita.

12. Malah, sebanyak 56 peratus daripada pelepasan karbon di Kuala Lumpur datang daripada asektor pengangkutan, manakala 41 peratus lagi adalah berpunca daripada tenaga elektrik yang digunakan dalam bangunan, termasuklah *aircond*, pencahayaan dan perkakas elektrik. Ini bermaksud, hampir seluruh pelepasan karbon ini berpunca daripada aktiviti harian manusia, bagaimana kita bergerak, bagaimana kita bekerja dan bagaimana kita menggunakan tenaga di rumah dan di pejabat. Maka, jika kita benar-benar mahu melihat perubahan besar, perubahan itu perlu dimulakan daripada rumah, sekolah dan tempat kerja.

13. Walaupun begitu, Alhamdulillah, melalui Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon 2030 dan Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050, Kuala Lumpur telah berjaya menurunkan intensiti karbon kepada 30 gram karbon dioksida bagi setiap satu ringgit KDNK pada tahun 2010 kepada hampir 7 gram karbon dioksida bagi setiap satu ringgit KDNK pada tahun 2024. Penurunan lebih 75 peratus dalam masa 14 tahun. Satu pencapaian yang membanggakan, tetapi tidak boleh dijadikan alasan untuk berasa selesa.

PESERTA PROGRAM IKLIM BOLEH MENJADI CHANGE AGENT KEPADA DUNIA YANG LEBIH LESTARI

Para hadirin sekalian,

14. Saya amat mengalu-alukan program seperti ini dan program ini juga membuktikan satu perkara penting, iaitu pemimpin masa depan dalam isu perubahan iklim perlu dan sedang dibentuk hari ini. Mereka semua sebenarnya ada di hadapan saya, walaupun baru berada di Tingkatan 4, tetapi mempunyai semangat yang setanding pemimpin dunia.

15. Ini bukan soal memberi kesedaran semata-mata, sebaliknya ini adalah soal mempercayai bahawa anak muda boleh dan mampu memimpin perubahan. Anak-anak sekalian, jangan anggap kehadiran kamu ke program ini sebagai satu aktiviti tambahan sekolah. Ini adalah sebenarnya pentas permulaan dan ini juga adalah ruang latihan untuk kamu menjadi suara yang boleh membawa mesej bumi, di mana apa sahaja tindakan yang kamu ambil selepas ini, boleh membawa kesan yang lebih besar daripada apa yang kita bayangkan. Maka, jangan sia-siakan peluang ini.

16. Saya mahukan generasi warga kota, terutama orang muda, yang bukan sahaja tahu tentang kesan perubahan iklim, tetapi juga tahu bagaimana untuk bertindak, serta menjadi *change agent* kepada tindakan tersebut. Saya menyeru kepada kamu semua agar semangat dan ilmu yang diperoleh daripada program ini tidak hanya terhenti di sini, sebaliknya jadikanlah ia sebagai permulaan kepada gerakan yang lebih besar.

JALINKAN PELAN IKLIM DI KUALA LUMPUR SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA MODUL

Hadirin sekalian,

17. Saya tidak mahu program sebaik ini terhenti setakat majlis pelancaran hari ini sahaja. Ia perlu diteruskan secara berkala dan diberi kesinambungan yang tersusun agar impaknya benar-benar dirasakan oleh pelajar, sekolah dan komuniti bandar. Saya minta Dato' Thomas dan pasukan Jabatan Wilayah Persekutuan untuk bantu rakan-rakan penganjur sebaiknya dari segi perancangan serta sokongan dasar dan kewangan.

18. Dalam masa yang sama, saya juga minta agar saudara Sree dan pasukan Pertubuhan Lestari dan Kebajikan Malaysia untuk terus berkomunikasi rapat dengan semua peserta dan menyusun pendekatan pemantauan secara berkala, supaya tindakan susulan yang dilaksanakan selari dengan matlamat program ini.

19. Selain memberi pendedahan asas tentang kesan perubahan iklim dan tenaga hijau, saya juga mahu program ini mula mengetengahkan usaha sebenar yang sedang dijalankan di Wilayah Persekutuan, seperti yang sedang diusahakan melalui Pelan Tindakan Iklim Kuala Lumpur 2050 dan Pelan Induk Masyarakat Rendah Karbon Kuala Lumpur 2030. Kandungan dalam pelan ini boleh dijadikan bahan pendidikan yang perlu difahami oleh anak-anak murid, agar mereka tahu apa yang sedang dirancang dan berpeluang memberi idea serta menyumbang kepada pelaksanaannya.

PENUTUP

Hadirin sekalian,

20. Saya ingin mengakhiri ucapan saya ini dengan satu mesej penting, iaitu: *“We are not inheriting the Earth from our ancestor, we are borrowing it from our children.* Maka menjadi tanggungjawab kita semua pada hari ini untuk tidak mewariskan bumi yang sedang tenat kepada generasi akan datang.

21. Insyallah, semoga langkah kita hari ini membuka jalan kepada sebuah masa depan yang lebih lestari, lebih sejahtera dan lebih bertanggungjawab. Dengan lafaz mulia Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan ini melancarkan Projek Kepimpinan Perubahan Iklim dan Tenaga Hijau Peringkat Wilayah Persekutuan bagi tahun 2025.

Sekian, wabillahi taufiq wal hidayah wassalamu'alaikum warahmatullahi wabarakatuh.